



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 20 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	PENGGANTUNGAN NAFAS TIDAK JEJAS OPERASI, OBLIGASI - KPKM, NASIONAL, SH -15 KAJI SEMULA HARGA MINIMUM PADI, NASIONAL, SH -15 42 GOVERNANCE ISSUES SHOWN IN NAFAS AUDIT, NEWS, NST -2 42 ISU TADBIR URUS NAFAS SEJAK 2018, DALAM NEGERI, UM -4 42 ISU DALAM NAFAS TAK SEMPAT DITANGANI, NASIONAL, BH -2 TEMPOH PENGGANTUNGAN NAFAS BERGANTUNG KEPADA SYOR BADAN PENTADBIR, LOKAL, HM -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
7. 8.	50kg KERATAN AYAM BEKU TANPA PERMIT DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -34 MAQIS PASTIKAN BARANGAN DIBAWA MASUK MASUK ADA PERMIT IMPORT, HAKAH DAILY -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11.	STOK 1,600 TAN METRIK, LOKAL, HM -18 NAIK, TURUN HARGA BARANGAN SEGAR BERGANTUNG SAIZ, CUACA, LOKAL, HM -18 BEKALAN IKAN CUKUP, JANGAN AMBIL KESEMPATAN NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12. 13.	WARGA AGROBANK IKRAR BEBAS RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA, NEGARA, KOSMO -15 AGROBANK LANCAR PROGRAM KESEDARAN KEPENTINGAN INTEGRITI, BISNES, HM -23	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Penggantungan Nafas tidak jejas operasi, obligasi - KPKM

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan penggantung-an Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) tidak menjejaskan operasi, obligasi dan kewajipan organisasi berkenaan kepada mana-mana pihak ketiga.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini kerana fungsi dan peranan Nafas akan diteruskan oleh pentadbir yang dilantik.

"Bagi urusan perniagaan Nafas yang melibatkan pembekalan baja padi kepada pesawah, ia langsung tidak terjejas dan berjalan seperti biasa di bawah bidang kuasa pentadbir Nafas.

"Sepanjang tempoh penggantung ini, Pendaftar Pertubuhan Peladang akan memantau urusan harian Nafas di samping menambah baik tadbir urus dan tatakelola bagi memperkasa semula Nafas secara holistik," katanya Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan

Rakyat, di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Sim Tze Tzin (**PH-Bayan Baru**) yang meminta penjelasan berkaitan kontroversi yang berlaku dalam Nafas dan hala tuju KPKM dalam menstruktur semula organisasi itu.



MOHAMAD

Pendaftar Pertubuhan Peladang pada 1 November lalu menggantung Perlembagaan Nafas susulan wujud pelbagai isu berbangkit.

Menjawab soalan tambahan Tze Tzin mengenai jangkaan tempoh penggantung itu dibuat, Mohamad berkata, ia bergantung kepada hasil laporan siasatan dijalankan.

"Tempoh penggantung ini kita akan lihat cadangan pihak yang menjadi tatakelola dan jika ada ulasan yang baik baru kita angkat penggantung itu dengan pindaan di bawah kuasa menteri dan kementerian dengan turut dinasihati oleh penasihat undang-undang.

SIN
PAR

Kaji semula harga minimum padi

Kos input pertanian makin meningkat, elak pesawah terus rugi

Oleh **QURRATUL AINA
QUDDUS
SHAH ALAM**

Kerajaan digesa mengkaji semula harga minimum padi supaya lebih mencerminkan kepada kos pengeluaran sebenar dan mengelakkan pesawah daripada terus mengalami kerugian yang akhirnya menjejaskan keselamatan makanan di negara ini.

Felo Kanan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Othman berkata, kos input pertanian yang meningkat seperti baja, racun perosak dan tenaga kerja semakin membebankan pesawah, sementara harga padi kekal dikawal rendah demi melindungi pengguna.

"Situasi ini menambahkan tekanan kepada mereka yang sudah pun bergelut dengan kenaikan kos sara hidup.

"MTEM percaya bahawa masa depan sektor pertanian bergantung kepada reformasi

menyeluruh yang berani dan tindakan tegas menentang ketirisan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan membincangkan mengenai penetapan harga lantai belian padi kepada RM1,500 satu tan dengan semua pihak berkaitan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga minimum belian padi kini ditetapkan pada kadar RM1,300 bagi setiap tan metrik dan pelaksanaan tersebut merangkumi di Sabah dan Sarawak mulai 15 Februari lalu.

Tambah Ahmad Yazid, kualiti baja subsidi dan kelewatan penghantaran perlu diberi perhatian segera kerana pesawah akan menanggung kerugian serta terpaksa membeli bahan untuk menyuburkan tanaman berkenaan pada harga komersial.

Menurutnya, MTEM meminta pihak berkaitan agar mengambil tindakan pantas dan memastikan baja yang disalurkan adalah berkualiti serta sampai tepat pada waktu.



AHMAD YAZID

"Kami menyokong strategi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) untuk menghasilkan baja sendiri sebagai langkah mengawal kos dan mengurangkan ketirisan.

"Pengeluaran yang berkesan memerlukan pendekatan kompeten dan memahami keperluan tempatan.

"Bagaimanapun, kejayaan inisiatif ini bergantung kepada tatakelola yang cekap dan pengurusan bebas daripada pengaruh politik," ujar beliau.

Tegasnya, hak pesawah untuk menerima subsidi baja adalah perkara yang tidak boleh dikompromi.

"MTEM mengemukakan ketirisan dalam program tersebut yang telah lama berlaku melalui bantuan diberikan kepada golongan berkenaan yang sering diselewengkan oleh pihak berkepentingan.

"Kami mendesak agar kawalan lebih ketat dilaksanakan supaya bantuan ini sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan tanpa berlaku manipulasi atau penjualan di pasaran terbuka," katanya.



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu says a special monitoring committee has highlighted the need for a comprehensive reform of Nafas' governance and management. PIC FROM INFORMATION DEPARTMENT

2018 REPORT

42 GOVERNANCE ISSUES SHOWN IN NAFAS AUDIT

Improvements could not be implemented partly due to change in govt, Mohamad tells Dewan Rakyat

MOHD NASARUDDIN PARZI
AND SHAHRUL SHAHABUDIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Agriculture and Food Security Ministry said a Special Audit Report in 2018 identified 42 governance and management issues in the National Farmers Organisation (Nafas).

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said improvements were proposed by the Registrar of Farmers Organisations, but they could not be implemented partly due to the change in government the same year.

He was responding to a question by Sim Tze Tzin (Pakatan Harapan-Bayan Baru) during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat.

Mohamad did detail the issues that were identified in Nafas.

In June 2018, the Registrar of Farmers Organisations issued a suspension order for Nafas following an audit management report conducted on March 26 that year due to serious governance issues,

particularly in the competence, accountability and transparency of the leadership of the board of directors and management.

A forensic audit found seven questionable matters and financial mismanagement in the institution, leading to a loss of about RM50 million.

This included the purchase of 40,000 tonnes of rice fertiliser in 2017.

The fertiliser was sourced from an external supplier without following the standard operating procedures (SOP) for sample testing or stock checks during delivery and without supporting documents for the purchase.

The purchase cost RM70 million and Nafas had to store the fertiliser supply at a warehouse, incurring RM6 million in rent.

As the fertiliser did not meet specifications, Nafas could not distribute it to subsidised farmers. The stored fertiliser required reprocessing to meet specifications, involving a cost of RM700 to RM800 per metric tonne.

It was also found that the purchase of Nafas' headquarters in Kota Damansara resulted in RM11 million in losses. It was bought for RM59.8 million in 2014, but the offer price was RM48.5 million. The building was valued at RM57 million by a private appraiser.

Mohamad said Nafas, which was awarded a direct negotiation contract for fertiliser supply since 1979, had 16 subsidiaries, of which only four related to the fertiliser

contract were profitable.

He said to rectify the situation, one of the first actions he took was to gazette Nafas as a public body under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694), allowing Nafas to be investigated under the act.

"I instructed the establishment of a special monitoring committee to strengthen Nafas' governance. It operated from Feb 7 to Oct 31.

"The report from this committee highlighted the need for a comprehensive reform of Nafas' governance and management."

Nafas has 603,000 members, 280 District Farmers Organisations and 14 State Farmers Organisations. Concerns were raised recently about its governance and effectiveness as the sole government fertiliser supplier.

MACC had announced it was probing the existence of a cartel in the distribution and supply of padi fertiliser contracts under an organisation managed by a ministry, involving RM1.8 billion.

MACC made several revelations about the organisation and nine companies that received related projects.

Following the revelations, the Registrar of Farmers Organisations suspended Nafas' constitution with immediate effect.

Mohamad said the committee to strengthen Nafas' governance would recommend a timeline for lifting the suspension of the organisation's constitution.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

42 isu tadbir urus Nafas sejak 2018

KUALA LUMPUR: Sebanyak 42 isu tadbir urus dan tatakelola dalam Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dikenal pasti melalui Laporan Pengauditan Khas pada 2018.

Menteri Pertanian dan Ketahanan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Nafas telah diberikan kontrak pembekalan baja secara runding terus bermula tahun 1979.

Beliau berkata, Nafas mempunyai 16 syarikat subsidiari tetapi hanya empat syarikat subsidiari yang berkaitan kontrak baja yang untung.

“Berdasarkan Laporan Pengauditan Khas Tahun 2018 oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang, terdapat 42 isu tadbir urus dan tatakelola ditemukan yang perlu kepada tindakan dan penambahbaikan.

“Namun tindakan penambahbaikan tidak dapat dilaksanakan akibat peralihan kerajaan ketika itu,” katanya pada sesi pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat se-

malam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) yang meminta penjelasan berkaitan kontroversi yang berlaku dalam Nafas dan apakah hala tuju Kementerian dalam menstruktur semula Nafas.

Mohamad berkata, ketika ini, Nafas ditadbir oleh pentadbir yang dilantik oleh Pendaftar dan dalam masa yang sama, Majlis Penasihat turut dilantik bagi menasihati Pendaftar dan Pentadbir berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 7(1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].

“Laporan pihak Pendaftar Pertubuhan Peladang sepanjang tempoh penggantungan perlembagaan Nafas akan dilaporkan terus kepada Jemaah Menteri dari semasa ke semasa.

“Operasi, obligasi dan kewajiban Nafas kepada mana-mana pihak ketiga adalah tidak terjejas termasuk pembekalan baja padi kepada pesawah,” katanya.

42 isu dalam NAFAS tak sempat ditangani

Penambahbaikan tatakelola, tadbir urus dikenal pasti pada 2018 belum dilaksana susulan kerajaan bertukar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengesahkan 42 isu tadbir urus dan tatakelola dalam Pertubuhan Peladang Kehangsaan (NAFAS) sudah dikenal pasti melalui Laporan Pengauditan Khas pada 2018, tetapi tidak sempat dilaksanakan berikutan pertukaran kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata penambahbaikan ke atas isu dikenal pasti hasil laporan audit oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang.

Menjawab soalan tambahan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) semalam, Mohamad berkata, NAFAS yang diberikan kontrak pembekalan baja secara runding terus bermula 1979 mempunyai 16 anak syarikat dan daripada jumlah itu hanya empat syarikat yang berkaitan kontrak baja sahaja mencatatkan keuntungan.

"Keadaan ini menjejaskan peranan NAFAS untuk berfungsi sebagai pertubuhan yang memajukan kepentingan ekonomi dan sosial atau kebajikan anggotanya," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad menegaskan sebagai Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, antara perkara awal dilaksanakan beliau adalah mewariskan NAFAS sebagai badan awam di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), membolehkan NAFAS disiasat di bawah akta ini.

"Selain itu, saya mengarahkan penubuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan Bagi Pemantapan Tatakelola NAFAS bermula 7 Februari sehingga 31 Oktober lalu.

"Hasil laporan daripada pihak jawatankuasa khas ini menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk melaksanakan reformasi menyeluruh ke atas tadbir urus dan tatakelola NAFAS," katanya.

Pada Jun 2018, Pendaftar Pertubuhan Peladang mengeluarkan perintah penggantungan ke atas NAFAS susulan laporan pengu-
rusan audit dilakukan pada 26



Mohamad pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto ihsan Jabatan Peperangan)

Perlembagaan NAFAS digantung

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengumumkan bahawa perlembagaan NAFAS digantung kerana melanggar peraturan.

Keratan
akbar BH
2 November
lalu.

Mac tahun sama, berikutan mengalami masalah tadbir urus serius terutama dari aspek kompetensi, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam barisan kepimpinan Ahli-Ahli Jemaah Pengarah (AJP) dan pengurusan sebelum itu.

Kerugian RM50 juta

Audit forensik dijalankan menemui tujuh perkara meragukan dan menyalahi tatacara kewangan serta tadbir urus institusi itu sehingga mengakibatkan kerugian kira-kira RM50 juta.

Antaranya membabitkan pembelian 40,000 tan baja padi tanpa mengikut prosedur biasa pada 2017 daripada pembekal luar dan tanpa prosedur operasi standard (SOP) bagi pengambilan sampel untuk ujian makmal serta pemeriksaan stok ketika baja dihantar oleh pembekal dan ketiadaan dokumen sokongan bagi pembelian tersebut.

Kos pembelian membabitkan RM70 juta dan NAFAS terpaksa menyimpannya di stor yang mana kos sewanya membabitkan RM6 juta. Apabila baja dibeli tanpa mengikut spesifikasi, NAFAS tidak boleh mengedarkan kepada peladang atau petani yang mendapat subsidi baja.

Baja disimpan juga memerlukan pemulihan dan pemprosesan semula mengikut spesifikasi yang betul dan ia membabitkan perbelanjaan tinggi, iaitu RM700 hingga RM800 untuk satu tan.

Penemuan lain yang diperoleh adalah pembelian bangunan ibu pejabat NAFAS di Kota Damansara yang mengakibatkan kerugian kira-kira RM11 juta, apabila dibeli dengan harga RM59.8 juta pada 2014 sedangkan harga pasaran asal adalah RM48.5 juta. Lebih meragukan bangunan itu dinilai pada harga RM57 juta oleh penilai swasta.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan siasatan berhubung kewujudan kartel dalam pengagihan dan perbelanjaan kontrak baja padi di sebuah pertubuhan di bawah kawalan sebuah kementerian yang dianggarkan bernilai RM1.8 bilion.

Beberapa siri pembongkaran sudah dilakukan suruhanjaya berkenaan di sekitar Kuala Lumpur, termasuk di ibu pejabat pertubuhan, Kementerian dan sembilan syarikat yang mendapat projek berkaitan.

Mohamad juga berkata, penggantungan Perlembagaan NAFAS tidak akan menjejaskan operasi, obligasi serta kewajipannya kepada pihak ketiga, termasuk membabitkan pembekalan baja padi kepada pesawah.

"Sepanjang tempoh penggantungan ini, Pendaftar Pertubuhan Peladang akan memantau urusan harian NAFAS, di samping menambah baik tadbir urus dan tatakelola NAFAS bagi memperkasa semula NAFAS secara holistik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

50kg keratan ayam beku tanpa permit dirampas

RANTAU PANJANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas 50 kilogram (kg) keratan ayam sejuk beku dari Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang semalam.

Rampasan itu dilakukan selepas Maqis Kelantan menahan sebuah van yang dipandu lelaki Thailand berusia lingkungan 40-an semasa melalui kawasan tersebut.

Ketua Pintu Masuk Maqis Rantau Panjang, Mohd. Suhaimi Ibrahim berkata, hasil pemeriksaan, menjumpai 24 paket keratan ayam sejuk beku dibahagian bekalgan van tersebut.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati bahan mentah itu dibawa masuk tanpa Permit Import Maqis, Sijil Kesi-

hatan Veterinar dan Sijil Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import Maqis menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd. Suhaimi memberitahu, pihaknya akan terus melaksanakan penguatkuasaan terhadap barangan yang dibawa masuk ke negara ini bagi mengelakkan isu-isu melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAQIS pastikan barangan dibawa masuk ada permit import



RANTAU PANJANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 50 kilogram keratan ayam sejuk beku dari negara jiran.

Ketua Pintu Masuk MAQIS Rantau Panjang, Mohd Suhaimi Ibrahim berkata, sebuah van yang dipandu

warga Thailand berusia lingkungan 40-an dikesan membawa 24 paket keratan ayam sejuk beku ditahan di Kompleks ICQS Rantau Panjang.

Katanya keratan ayam sejuk beku itu diletak dalam bonet kenderaan bernombor pendaftaran Thailand.

“Pemeriksaan dilakukan Pegawai Penguasa MAQIS dan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk tanpa Permit Import MAQIS, Sijil Kesihatan Veterinar dan Sijil Halal daripada JAKIM.

“Individu terbabit menggunakan kenderaan persendirian di laluan import penumpang kereta/kenderaan,” katanya pada kenyataan media di sini.

Menurutnya juga perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import MAQIS menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Kata beliau jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurutnya juga MAQIS akan terus melaksanakan penguatkuasaan terhadap barangan yang dibawa masuk ke negara ini bagi mengelakkan isu-isu melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak. – HARAKHADAILY
19/11/2024

[illegible]

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2024	KOSMO	NEGARA	16

Bekalan ikan cukup, jangan ambil kesempatan naik harga

MARANG – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengingatkan peniaga agar tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga ikan pada musim tengkujuh ini sedangkan bekalan hasil laut itu sebenarnya mencukupi.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya sedar segelintir peniaga mengambil kesempatan menggunakan sentimen Monsun Timur Laut (MTL) sebagai alasan kononnya berlaku kekurangan bekalan ikan untuk menaikkan harga.

Tegas beliau, isu kekurangan bekalan tidak timbul kerana LKIM telah melakukan persiapan bagi memastikan harga ikan tidak melambung tinggi sepanjang tempoh MTL.

“Kita akui bekalan ikan segar sedikit sebanyak akan terjejas ekoran nelayan Zon A (pesisir pantai) tidak dapat turun ke laut (sepanjang MTL) tetapi ia telah dipastikan sentiasa mencukupi.

“LKIM telah sedia stok pe-



MUHAMMAD FAIZ (empat dari kanan) menyampaikan bantuan peralatan menangkap ikan kepada nelayan pada program Rahmah Madani bersama Nelayan Marang di Jeti LKIM Marang semalam.

nimbal sebanyak 1,600 metrik tan ikan di bilik sejuk beku persatuan nelayan kawasan seluruh negara bagi keperluan pengguna pada musim tengkujuh,” katanya pada program Rahmah Madani

bersama Nelayan Marang di sini semalam.

Terdahulu beliau menyampaikan sumbangan peralatan menangkap ikan kepada nelayan setempat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2024	KOSMO	NEGARA	15



TENGGU AHMAD BADLI SHAH (dua dari kiri), menyerahkan akuan Ikrar Intergriti kepada Samsul (paling kanan), sambil disaksikan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank, Mohamed Iqbal (dua dari kanan) pada Majlis Perkasa Etika dan Profesionalisme Agrobank, di Menara Agrobank di Kuala Lumpur semalam.

Warga Agrobank ikrar bebas rasuah dan salah guna kuasa

KUALA LUMPUR — Agrobank berikrar bebas rasuah dan salah guna kuasa serta menerapkan nilai integriti yang tinggi dalam kalangan warga kerjanya.

Lafaz ikrar itu dilakukan oleh seluruh warga kerja Agrobank sempena Minggu Integriti Agrobank 2024 yang berlangsung selama tiga hari bermula 19 hingga 21 November.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Minggu Integriti bertujuan memupuk kesedaran kepentingan integriti dalam kehidupan seharian dan profesional yang seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan keseluruhan sesebuah organisasi.

“Program seperti ini juga memupuk kesedaran bebas rasuah dan meletakkan nilai integriti tertinggi dalam kalangan pekerja serta menerapkan budaya kerja murni berlandaskan proses prosedur yang betul tanpa salah guna kuasa.

“Integriti merupakan satu prinsip utama yang mesti diterapkan dalam urusan kehidupan seharian termasuk dalam pekerjaan, urusan pentadbiran dan kepimpinan.

“Ia bukan sekadar kata-kata, tetapi merupakan pemangkin kepada budaya kerja yang positif dan cemerlang,” kata beliau ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Minggu Integriti Agrobank 2024 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Pen-

garah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Samsul Salip dan Ahli Lembaga Pengarah Agrobank, Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal.

Tambah Tengku Ahmad Badli Shah, prinsip integriti bukan sahaja dapat menangani isu-isu kritikal seperti rasuah, penipuan dan penyalahgunaan kuasa di tempat kerja tetapi juga berkait rapat dengan kualiti kerja serta perkhidmatan yang kita sampaikan kepada rakan sekerja atau para pelanggan.

Sementara itu, untuk mengukuhkan budaya pematuhan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan kakitangannya, Agrobank turut melaksanakan Kempen 3B (Buat Betul Betul).